

LAMPIRAN

BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA

LAMPIRAN

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD

LAMPIRAN

BANK MUAMALAT MALAYSIA BERHAD

BAB PERTAMA

BAB KEDUA

BAB KETIGA

BAB KEEMPAT

BAB KELIMA

BAB KEENAM

LAMPIRAN

(Soalan-soalan temubual)

Soalan-soalan temubual bersama Dr. Mohd Daud bin Bakar¹

Tarikh: 26 Mac 2005

1. Apakah yang dimaksudkan dengan akad *bay' al-'inah* dan bagaimanakah penggunaannya dalam perbankan Islam di Malaysia?
2. Akad *bay' al-'inah* dikatakan sangat kontroversi kerana ramai pihak yang mempertikaikan keharusannya? Apa komen tuan terhadap pernyataan ini?
3. Apa pandangan tuan tentang hubungkait akad *bay' al-'inah* dengan konsep *halal fihiyyah*?
4. Adakah unsur pakatan antara pihak bank dan pelanggannya yang berlaku dalam transaksi produk-produk yang berasaskan *bay' al-'inah* merealisasikan konsep *halal ribawiyah* yang diharamkan?
5. Terdapat perbankan Islam di luar negara yang turut menawarkan pembiayaan peribadi tetapi berasaskan akad *bay' al-tawarruq*. Apa komen tuan berkaitan perkara ini?
6. Adakah wajar menjadikan akad *bay' al-tawarruq* sebagai alternatif kepada akad *bay' al-'inah* bagi produk-produk perbankan Islam yang sedia ada?
7. Apakah pandangan peribadi tuan tentang akad *bay' al-'inah* itu sendiri?

Tarikh: 27 Jun 2005

8. Apakah asas ataupun justifikasi penerimaan akad *bay' al-'inah* bagi perbankan Islam di Malaysia?
9. Sejauhmanakah pelaksanaan akad tersebut bertepatan dengan mazhab Shafi'i itu sendiri?
10. Adakah di sana terdapat unsur masalah yang membolehkan pemakaian akad ini?

¹ Mohd Daud bin Bakar, Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif di International Institute of Islamic Banking (IIIF) Inc. dan Amanie Business Solutions Sdn. Bhd. Temubual pada 26 Mac 2005 dan 27 Jun 2005.

Soalan-soalan temubual bersama Encik Aznam@Meor Aznam Ayyub²

1. Boleh tuan nyatakan produk-produk kewangan di Bank Rakyat yang menggunakan akad *bay' al-'inah*?
2. Pembiayaan Peribadi-*i* Aslah begitu popular dan mendapat sambutan yang hebat di Bank Rakyat? Boleh tuan huraikan tentang produk ini secara khusus?
3. Bagaimanakah prosedur permohonan dan syarat-syaratnya untuk mendapatkan pembiayaan peribadi di Bank Rakyat?
4. Bagaimana proses transaksi yang berlaku bagi produk yang berasaskan akad *bay' al-'inah*?
5. Apakah barang (*al-ma'qud 'alayh*) yang digunakan semasa transaksi yang melibatkan akad *bay' al-'inah*?
6. Bagaimana jika pelanggan tidak mahu menjual semula barang yang telah diakad dalam transaksi yang pertama?
7. Adakah pihak bank berhak mengetahui tujuan pelanggan mendapatkan pembiayaan peribadi?
8. Apakah terdapat perbezaan antara ahli Bank Rakyat dengan bukan ahli apabila mereka memohon pembiayaan tersebut?
9. Bagaimana pula tempoh dan kaedah bayaran balik bagi pembiayaan ini?
10. Sejauhmanakah sambutan masyarakat terhadap produk ini berbanding produk-produk lain yang ditawarkan oleh Bank Rakyat?

² Aznam@Meor Aznam Ayyub, Eksekutif Cawangan, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Cawangan Medan Gopeng, Ipoh. Temubual pada 2 Mac 2007.

Soalan-soalan temubual bersama Encik Mohd Azrul bin Abdul Latif ³

1. Boleh tuan huraikan secara terperinci berkenaan produk Kad Bank Islam yang ditawarkan oleh Bank Islam Malaysia Berhad?
2. Bagaimanakah prosedur permohonan dan syarat-syaratnya untuk melayakkan seseorang memohon Kad Bank Islam?
3. Bagaimana pula proses transaksi yang berlaku yang melibatkan pihak bank dan pelanggan yang memohon produk ini?
4. Apakah barang (*al-ma'qud 'alayh*) yang digunakan semasa transaksi yang melibatkan akad *bay' al-'inah*?
5. Bagaimana jika pelanggan tidak mahu menjual semula barang yang telah diakad dalam transaksi yang pertama?
6. Adakah pemegang Kad bank Islam boleh menggunakan kad tersebut di mana-mana premis perniagaan?
7. Bagaimana pula dengan pemegang Kad Bank Islam yang non-muslim?
8. Adakah pihak bank boleh mengawal penggunaan Kad Bank Islam oleh pemegangnya?
9. Bagaimana pula tempoh dan kaedah bayaran balik bagi produk kewangan ini?
10. Apakah keistimewaan dan faedah Kad Bank Islam berbanding kad-kad kredit yang lain?

³ Mohd Azrul bin Abdul Latif, Penolong Pengurus, Jabatan Pembiayaan Perdagangan, Bank Islam Malaysia Berhad, Cawangan Ipoh. Temubual pada 28 Februari 2007.

Soalan-soalan temubual bersama Puan Zaliha binti Yeop⁴

1. Boleh puan nyatakan produk-produk kewangan di Bank Muamalat Malaysia Berhad yang menggunakan akad *bay' al-'i'nah*?
2. Siapakah sasaran pelanggan bagi produk MCash?
3. Bagaimanakah prosedur permohonan dan syarat-syaratnya untuk melayakkan seseorang memohon pembiayaan ini?
4. Bagaimana pula proses transaksi yang berlaku yang melibatkan pihak bank dan pelanggan yang telah diluluskan permohonannya?
5. Apakah barang (*al-ma'qud 'alayh*) yang digunakan semasa transaksi yang melibatkan akad *bay' al-'i'nah*?
6. Bagaimana pula tempoh dan kaedah bayaran balik bagi produk kewangan ini?
7. Mengapakah pihak Bank Muamalat tidak lagi menyediakan pembiayaan peribadi, sebaliknya masih meneruskan produk MCash ini sahaja?
8. Sejauhmanakah sambutan masyarakat terhadap produk ini berbanding produk-produk lain yang ditawarkan oleh Bank Muamalat?

⁴ Zaliha binti Yeop, Pengurus Bank Muamalat Malaysia Berhad, Cawangan Ipoh. Temubual pada 5 Mac 2007.